

19/06/1999

Ras lagukan sajak Mahathir

Hardi Effendi Yaacob

SAJAK karya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perjuangan Yang Belum Selesai yang pernah dideklamasikan oleh beliau, sekali lagi dipilih untuk dilagukan oleh penyanyi lagu puisi Ras Adiba Radzi.

Lagu ini dicipta Ras bersama penggubah Aubrey Suwito dan dimuatkan dalam album terbaru, Ras Adiba Radzi - Perjuangan Yang Belum Selesai. Orang ramai turut berpeluang menghayati versi asal sajak yang dideklamasikan oleh Perdana Menteri itu.

"Secara peribadi, saya cukup tertarik dengan sajak Perjuangan Yang Belum Selesai, begitu juga cara Perdana Menteri mendeklamasikannya. Beliau kelihatan agak bersahaja tetapi penuh dengan semangat patriotik.

"Sebab itu, saya turut mengambil daya usaha mendeklamasikan sajak itu dalam bentuk lagu. Malah, saya sendiri yang melakukan proses susunan muziknya dengan bantuan Aubrey," katanya ketika ditemui di majlis pelancaran album itu di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

Album itu dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Penaung Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Datuk Annuar Musa. Selepas itu, tetamu menyaksikan pementasan khas Puteri Saadong.

Selain sajak itu, album berkenaan turut memuatkan sajak beberapa tokoh seni dan budaya seperti Datuk Baha Zain menerusi Seruan dan Salmiah Ismail dalam Kata Kata. Ras sendiri mencipta sajak Warkah Buat Apa dan dideklamasikan oleh Annuar.

Ketika berucap, Annuar menyeru semua penggiat seni dan budaya, terutamanya di Kelantan lebih gigih dalam terus berkarya.

Katanya, mereka perlu melakukan pelbagai usaha bagi memastikan gelaran Kelantan sebagai 'Lubuk Budaya Tradisi' tidak terus terhakis kesan dasar kerajaan negeri ketika ini.

"Memang kita sedar, dasar kerajaan negeri sekarang secara tidak langsung memalapkan kegiatan seni dan budaya tradisi kita, tetapi kita tidak seharusnya patah semangat.

"Sebaliknya, kita perlu menjadikannya sebagai satu cabaran dalam usaha memulih dan memelihara seni dan budaya tradisi kita.

"Dasar Kerajaan Pusat yang menggalakkan perkembangan warisan seni perlu direbut agar kegiatan seni dan budaya tidak lagi berbentuk 'main-main', sebaliknya boleh dijadikan sumber pendapatan yang lumayan," kata Annuar.

Pementasan Puteri Saadong diarahkan oleh Sharifuddin Abdul Rahman.

Pelakon terdiri daripada Raja Azura, Anne Hamid, Khadijah Awang, Sabri Yunus, Amran Nasaruddin, Zulkifli Ismail, Saari Abdullah, Nasir Yusoff, Mohamad Shahrul Mizad dan Zahari Muda.

Pementasan ini anjuran YKK, Yayasan Belia Malaysia, Majlis Kebudayaan Jajahan Kota Bharu dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Akademi Seni Kebangsaan.

Sebelum ini, ia pernah dipentaskan di tempat yang sama mulai 29 Mei hingga 4 Jun lalu bertujuan mengutip derma untuk disumbangkan kepada Tabung YKK, selain Tabung Warisan.

(END)